

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 1 OGOS 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1532-L11824
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tindakan segera Kementerian dalam mengenal pasti peneraju industri pelancongan terutamanya di kawasan kepulauan yang banyak mengguna pakai bahan api diesel berikutan kenaikan mendadak harga chalet, hotel, pengangkutan serta pakej pelancongan dalam negara ini.
2. PN-1532-L12203
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah permohonan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan berapakah jumlah yang telah diluluskan bagi tahun 2023.
3. PN-1532-L12113
Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) statistik yang menunjukkan punca atau penyebab kepada melonjaknya gangguan seksual dan kemerosotan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia ; dan
 - (b) adakah status jumlah mangsa lelaki dewasa semakin bertambah dan berada pada tahap yang membimbangkan berbanding wanita dan kanak-kanak dalam kes-kes gangguan seksual.

4. PN-1532-L11805
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah kesiapsiagaan Kementerian dalam menangani risiko keselamatan dan ancaman siber seperti penggodaman dan pelanggaran data dengan pelaksanaan penggunaan Digital e-Invois ke atas pembayar cukai di Malaysia.
5. PN-1532-L11852
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah yang akan diambil untuk menangani isu-isu yang berterusan untuk perniagaan termasuklah masalah proses pendaftaran yang panjang, proses permohonan yang tidak konsisten merentas negeri dan masa kelulusan yang panjang untuk insentif yang dipertimbangkan.
6. PN-1532-L11579
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan strategi Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia termasuk insentif untuk syarikat yang melabur dalam teknologi hijau dan perincian mengenai sasaran jangka panjang bagi penggunaan tenaga bersih.
7. PN-1532-L11449
Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap peniaga-peniaga yang menghalang laluan pejalan kaki (*public walkway*) di mana ianya membawa banyak masalah kepada pengguna jalan kaki khususnya golongan Orang Kurang Upaya (OKU) .
8. PN-1532-L11874
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan setiap aset kesihatan diselenggara dengan baik dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat serta berapakah jumlah Klinik Kesihatan daif yang telah dikenal pasti.
9. PN-1532-L11472
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pecahan mengikut negeri peruntukan yang telah disalurkan untuk menyelesaikan masalah sekolah-sekolah daif dan peratusan sekolah-sekolah daif yang telah diperbaiki setakat ini.

10. PN-1532-L11492

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) keberkesanan polisi dan undang-undang sedia ada dalam menangani isu bangunan tinggal dan projek terbengkalai serta adakah terdapat cadangan untuk penambahbaikan; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian menangani isu bangunan tinggal di kawasan bandar yang boleh menjadi ancaman keselamatan dan kesihatan kepada penduduk.

11. PN-1532-L12097

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :-

- (a) hasil lawatan ke London Tech Week 2024, termasuk majlis Malaysia Digital Networking Dinner dan lawatan ke Visa Government Solutions Centre of Excellence; dan
- (b) sama ada lawatan ini berkesan mempromosikan Malaysia sebagai hab pelaburan teknologi dan berapakah jumlah pelaburan yang dijangka hasil hubungan dan kerjasama (JV).

12. PN-1532-L11510

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan memposisikan Malaysia di dalam pembangunan dan peraturan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan teknologi baru muncul (*emerging technologies*).

13. PN-1532-L11634

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berdasarkan analisis terhadap prestasi ekonomi negara dalam tempoh lima tahun terakhir, adakah terdapat bukti yang kukuh mengenai keberkesanan peningkatan dalam kecekapan penggunaan sumber negara, serta apakah statistik utama yang menyokong pandangan ini.

14. PN-1532-L11698

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh universiti tempatan untuk memperbaharui kursus-kursus sedia ada dengan kemahiran Artificial Intelligence (AI) dan mengembangkan kursus baru dalam bidang AI dan bagaimanakah Kementerian sedang memantau usaha tersebut supaya ia tidak bertindih dan graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan pasaran.

15. PN-1532-L11569
Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penambahbaikan dan pelan tindakan yang boleh digembleng bagi mencapai sasaran ke Tahap 1 (*Tier 1*) dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) berkaitan pemerdagangan orang di negara ini dan sejauh manakah Kerajaan optimis sasaran ini boleh dicapai menjelang Mac 2025.
16. PN-1532-L12139
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan jumlah pelancong selain dari pelancong negara China ke Malaysia memandangkan nilai ringgit kini berada pada tahap yang rendah.
17. PN-1532-L11903
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan inisiatif Kementerian bagi memastikan kod etika dan perlindungan data privasi dalam penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) di Malaysia dapat dikawal daripada berlakunya ketirisan.
18. PN-1532-L12219
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen dan perancangan terkini Kementerian berhubung dasar Generasi Penamat atau Generational End Game (GEG) serta keberhasilan inisiatif sedia ada khususnya dalam mengurangkan tabiat merokok terutama dalam kalangan generasi muda.
19. PN-1532-L11552
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah tawaran dan pengambilan pelajar bagi program matrikulasi sesi 2024 mengikut aliran dan kaum.
20. PN-1532-L12159
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan tegas Kementerian terhadap penyeludup minyak petrol bersubsidi dan kenderaan warga asing yang masih berdegil mengisi minyak petrol bersubsidi.

21. PN-1532-L12023

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jenis hasil-hasil yang dikenal pasti dan yang telah dikutip dari wilayah Sabah berdasarkan kepada Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan.

22. PN-1532-L11614

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ketiadaan ruang pejabat kepada Agensi Persekutuan yang berada di luar bandar.

23. PN-1532-L12121

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) isu MyKid dan surat beranak yang masih mengelirukan ibu bapa kerana pertindihan fungsi kedua-duanya. Terdapat urusan-urusan rasmi yang memerlukan surat beranak asal dan ada juga urusan yang memerlukan MyKid ; dan
- (b) bilakah isu MyKid dapat diselesaikan dan diedarkan secara sepenuhnya kepada kanak-kanak yang masih belum menerimanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

24. PN-1532-L11673

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan sedar kewujudan sindiket sewaan lesen tangkapan ikan kepada nelayan dari negara Vietnam di perairan Laut China Selatan yang menyebabkan kerosakan ekosistem dasar laut dan pembiakan ikan serta apakah langkah penyelesaian segera yang boleh diambil.

25. PN-1532-L11602

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani masalah pokok tua dan isu pokok tumbang yang kerap berlaku kebelakangan ini dan membahayakan keselamatan orang awam.

26. PN-1532-L11882
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah operasi penguatkuasaan terhadap tapak-tapak pembinaan yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi tahun 2020 sehingga kini dalam usaha untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja terpelihara serta bangunan yang dibina benar-benar kukuh dan selamat digunakan.
27. PN-1532-L11451
Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah atau tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah-masalah penderaan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang tiada kesudahan.
28. PN-1532-L12332
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha dalam menangani isu cetak rompak yang berleluasa kerana kebanyakan filem tempatan yang mendapat pujian ramai seperti Sheriff: Narko Integriti telah dicetak rompak oleh banyak pihak.
29. PN-1532-L12223
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap penubuhan Majlis Penasihat Petroleum Negara (MPPN) yang sepatutnya ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dengan keanggotaan terdiri daripada negeri-negeri yang berkaitan dan jelaskan justifikasi terhadap keputusan yang dibuat.
30. PN-1532-L11535
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian (selain FLYSiswa) dalam memastikan harga penerbangan tetap dan berpatutan kepada semua pelajar IPT yang berhasrat untuk terbang pulang pada musim cuti antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak.
31. PN-1532-L12255
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat inisiatif untuk meletakkan dua orang timbalan pendakwa raya di mahkamah jenayah majistret bagi daerah yang mempunyai jumlah kes jenayah yang tinggi bagi menjamin keberkesanan proses pendakwaan.

32. PN-1532-L11771

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah projek pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Tapak Megah, Belaga, Sarawak yang terletak berhampiran sempadan antara Malaysia dan Indonesia akan dimulakan dengan segera memandangkan negara Indonesia telah menyiapkan pusat imigresen mereka pada tahun ini di kawasan tersebut serta berapakah kos yang diperlukan untuk membina CIQ ini.

33. PN-1532-L11832

Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneliti kaedah pelaksanaan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) bagi memastikan negeri penganjur tidak menggugurkan acara sukan sesuka hati.

34. PN-1532-L11732

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan masa bagi pembentangan Rang Undang-undang Pendanaan Politik dan apakah perancangan dalam meneliti mekanisme pendanaan awam parti politik yang lebih telus, terbuka serta jauh daripada pengaruh anasir luar.

35. PN-1532-L12127

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

(a) strategi secara spesifik berkaitan langkah untuk mengatasi kemiskinan tegar dan kemiskinan bandar di Sabah, Kelantan, dan Pahang memandangkan peratusan kadar kemiskinan yang dicatatkan di negeri-negeri ini lebih tinggi di Malaysia, iaitu sebanyak 6.2%; dan

(b) pelan tindakan dan bajet dalam RMK-12 bagi tujuan ini.

36. PN-1532-L11464

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Apakah kekangan untuk menempatkan Pegawai Narkotik dan lebih ramai anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membendung masalah pengedaran dan penagihan dadah di bandar-bandar kecil di Sarawak dan Sabah yang telah menjadi masalah perundangan dan sosial yang kritikal.

37. PN-1532-L11544
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah penternak lembu pedaging di Kelantan dan apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk membantu penternak menambah skala ternakan.
38. PN-1532-L12036
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mempunyai satu sistem di mana pegawai-pegawai Kerajaan dapat membuat pertukaran dalam dan di luar negeri secara 'suka sama suka' dan apakah usaha pihak Kerajaan untuk mengatasi isu perhubungan jarak jauh (PJJ) yang membebankan ramai penjawat awam.
39. PN-1532-L11961
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana pemantauan petunjuk prestasi utama (KPI) ke atas sekurang-kurangnya 100 syarikat dan anak syarikat di bawah Kementerian serta senarai syarikat yang dimaksudkan sebagai tenat, ditutup operasi atau bertukar kepimpinan sekiranya menunjukkan prestasi yang merosot.
40. PN-1532-L11840
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan terkini terhadap Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).
41. PN-1532-L12264
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bentuk penilaian berkala yang dilaksanakan terhadap disiplin, etika serta kemahiran para guru dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah terutamanya yang melibatkan Program Dwibahasa (DLP).
42. PN-1532-L11979
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk meningkatkan bilangan jururawat lelaki dan wanita dalam negara melalui Institut Latihan Kementerian agar negara tidak mengalami krisis kekurangan jururawat menjelang 2030.

43. PN-1532-L12344
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan strategi penerangan berkesan bagi menghadapi berbagai persepsi negatif terhadap usaha Kerajaan membuat reformasi struktural seperti penyasaran subsidi, penilaian semula pencen dan isu keputusan yang dianggap ada implikasi persepsi negatif terhadap Kerajaan MADANI hari ini.
44. PN-1532-L12231
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kemasukan pelancong dari China dan India setelah Kerajaan mengumumkan pengecualian visa selama 30 hari sejak diperkenalkan pada 1 Disember 2023 sehingga Jun 2024.
45. PN-1532-L11706
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis masa untuk pengeluaran garis panduan, prosedur dan peraturan untuk aplikasi kewarganegaraan terkini jikalau pindaan perlembagaan berkaitan kewarganegaraan yang sedang berlangsung diluluskan dalam persidangan ini.
46. PN-1532-L12271
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif terkini kepada pembangunan industri di Sabah serta galakan untuk meningkatkan nilai eksport yang dihasilkan oleh Sabah.
47. PN-1532-L11484
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
(a) inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi di kawasan FELDA; dan
(b) sama ada terdapat usaha untuk memperkenalkan teknologi pertanian moden di ladang-ladang FELDA, dan apakah bentuk teknologi tersebut.
48. PN-1532-L11996
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah dengan penurunan kadar surcaj pelepasan kos tidak seimbang (ICPT) akan membawa kesan kepada penurunan harga barang.

49. PN-1532-L11606

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah pihak Kerajaan dalam memastikan pasaran kerja mampu untuk menampung jumlah graduan setiap tahun.

50. PN-1532-L11746

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf kawasan Belaga, Sarawak sebagai Majlis Daerah dan memisahkan daripada Majlis Daerah Kapit yang sudah merangkumi empat daerah dalam kadar segera bagi memantapkan pentadbiran dan merencanakan pembangunan di kawasan Belaga; dan
- (b) apakah ciri-ciri yang perlu dipenuhi oleh kawasan Belaga bagi dinaik taraf sebagai Majlis Daerah.

51. PN-1532-L12191

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah kadar sara diri (SSR) telur ayam di setiap negeri dalam negara dan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan tahap SSL di negeri-negeri yang mencatatkan pengeluaran yang terlalu rendah seperti Terengganu, Perlis dan Kelantan.

52. PN-1532-L12070

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan dua kewarganegaraan (*dual citizenship*) bagi menggalakkan mereka yang bermastautin di luar negara terutama dalam bidang digital dan semikonduktor untuk kembali ke Malaysia.

53. PN-1532-L11864

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) sama ada Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberikan subsidi elektrik kepada penubuhan pusat data; dan
- (b) memandangkan jumlah RM114.7 bilion telah diluluskan untuk pelaburan pusat data pada tahun 2021-2023, adakah Kerajaan sudah menganggarkan jumlah elektrik yang diperlukan.

54. PN-1532-L11866

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah fungsi dan hala tuju baharu Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) yang telah dipindahkan ke bawah Kementerian sejak 13 Disember 2023.

55. PN-1532-L12029

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sebenar pengambilan pelajar ke dalam matrikulasi mengikut pecahan kaum bagi tahun ini berikutan pengumuman Perdana Menteri berkaitan semua pelajar tanpa mengira kaum yang mendapat 10A akan menerima panggilan matrikulasi.

56. PN-1532-L12086

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan susulan keputusan untuk tidak lagi memberikan subsidi minyak kepada golongan T20 dan 'Maha Kaya' seperti yang disebutkan oleh Perdana Menteri, maka bagaimanakah Kementerian akan menangani kesan buruk yang mungkin dialami oleh golongan B40 akibat kenaikan harga barang serta langkah jangka panjang yang sedang dirancang.

57. PN-1532-L12211

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah syarat yang ditetapkan oleh Kementerian kepada NGO, badan masyarakat dan ahli politik untuk mengadakan program kempen kewarganegaraan bagi membantu mempercepatkan proses pendaftaran kewarganegaraan di negara ini.

58. PN-1532-L12079

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan Kementerian berkaitan ketidakcukupan tenaga kerja di hospital dan klinik kesihatan awam di negara ini dan apakah intervensi Kementerian secara jangka pendek, sederhana dan panjang dalam menyelesaikan isu ini secara tuntas.

59. PN-1532-L12307

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan merancang penubuhan cawangan universiti negara ini di negara yang terpilih untuk tujuan pengantarabangsaan.

60. PN-1532-L11655

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status kerja-kerja naik taraf Jalan Kampung Payak Kepong, Pos Iskandar Bera Pahang yang dimohon melalui Program Inisiatif Kebajikan Rakyat.

61. PN-1532-L12046

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kehadiran semua Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat semenjak bermula sesi Parlimen Kelima Belas serta senaraikan 10 Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat selain daripada yang memegang jawatan Menteri atau Timbalan Menteri dengan kehadiran terbaik dan terburuk.

62. PN-1532-L11665

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan sebuah kompleks hospital baharu yang lebih selesa dan kondusif bagi Hospital Raja Perempuan Zainab II sebagai hospital rujukan di Kelantan.

63. PN-1532-L12310

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah status pembinaan Projek Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Meru Raya, Ipoh, Perak; dan
- (b) berapakah jumlah bilangan pekerja yang diperlukan oleh pusat ini setakat ini dan berapakah bilangan pekerja yang telah diambil mengikut bidang pengkhususan memandangkan pusat ini bakal menjadi sebuah hab kepada perkhidmatan Neuro-Robotik serta apakah limpahan aktiviti-aktiviti ekonomi terutama aktiviti berkaitan perkhidmatan kesihatan yang dijangka boleh dimajukan khususnya di kawasan Meru Raya.

64. PN-1532-L11769

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan terkini persediaan daripada pihak Kementerian dan juga Kerajaan dalam menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk melibatkan anak seni tempatan dalam penyediaan logo dan juga tema bagi Tahun Melawat Malaysia 2026 ini.

65. PN-1532-L12239

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan golongan agamawan dan para pendakwah di Malaysia sentiasa berhati-hati dalam menyampaikan ceramah keagamaan agar tidak mengelirukan masyarakat tempatan.

66. PN-1532-L11540

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah pusat-pusat jagaan dan rumah perlindungan warga emas mengikut negeri termasuk milik persendirian atau swasta dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan rumah perlindungan warga emas.

67. PN-1532-L12002

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) jumlah peruntukan yang diluluskan bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Bintangor; dan
- (b) projek menaik taraf yang akan dijalankan pada tahun 2024.

68. PN-1532-L11988

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan pelan untuk memperkenalkan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di sekolah, serta apakah contoh sebuah program yang telah berjaya.

69. PN-1532-L11755

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pembatalan pengoperasian syarikat AMS-Osram di Kulim Hi-Tech Park memberi impak kepada pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan juga Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) yang dikatakan telah melabur hampir RM 2 bilion dalam membangunkan kilang berkenaan.

70. PN-1532-L11738

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) berapakah statistik jumlah permohonan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang telah dikemukakan serta permohonan IKR yang diluluskan dan yang tidak diluluskan di Sarawak; dan

- (b) apakah kekangan yang dihadapi oleh Kementerian bagi meluluskan dan melaksanakan projek IKR di Sarawak.

71. PN-1532-L11860

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menangani kekurangan 20,000 guru (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) pada September 2023 seperti yang dilaporkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP).

72. PN-1532-L11894

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan keberkesanan Program Kad Prihatin Penjaja & Peniaga Malaysia terhadap golongan penjaja dan peniaga melalui skim perlindungan PERKESO dan berapa jumlah penjaja dan peniaga berdaftar di bawah program ini.

73. PN-1532-L11443

Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah peranan dan sumbangan Institusi Pendidikan Tinggi Kerajaan dan Swasta bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi di Malaysia.

74. PN-1532-L12052

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat usaha pihak Kerajaan untuk melakukan reformasi terhadap Majlis Perubatan Malaysia (MMC) khususnya dari segi keanggotaan ahli majlis dan pilihan raya ahli serta mengapakah jawatan *Chief Executive Officer* (CEO) Majlis Perubatan Malaysia masih lagi kosong dan tidak diisi hampir setahun.

75. PN-1532-L11935

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan reformasi yang sedang dan akan dilakukan ke atas pendidikan negara ekoran daripada laporan Bank Dunia yang menyatakan bahawa kanak-kanak di Malaysia tidak cukup belajar di sekolah.

76. PN-1532-L11801

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah peranan yang turut dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dalam mengetengahkan inti pati Garis Panduan Penapisan Filem yang dilaksanakan di bawah Lembaga Penapisan Filem (LPF) kepada para penerbit filem tempatan bagi memastikan karya-karya mereka benar-benar mematuhi garis panduan tersebut.

77. PN-1532-L12019

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif persediaan Kerajaan untuk menerima kemudahan Kecerdasan Buatan (AI) dan adakah sebarang langkah untuk mengawal selia dan etika kemudahan ini.

78. PN-1532-L12171

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah kerajaan dalam memudahkan birokrasi pendaftaran lesen nelayan terutamanya dalam mendapatkan manfaat subsidi diesel.

79. PN-1532-L11888

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah kaedah penilaian atau penanda aras yang digunakan pihak Kementerian dalam mentafsir sesuatu kawasan tersebut untuk dikategorikan sebagai kawasan daerah miskin atau miskin tegar.

80. PN-1532-L11781

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan peranan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) dalam membantu meningkatkan ekonomi penduduk desa khususnya bagi pemasaran produk pertanian.

81. PN-1532-L12131

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah konstruktif yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), memandangkan penurunan peratusan pelajar yang mengambil aliran sains tulen dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan

- (b) bagaimanakah Kementerian bercadang untuk menangani kekurangan kemudahan dan penyelenggaraan makmal sains di sekolah-sekolah yang menyebabkan daya saing negara dalam bidang sains jauh ketinggalan berbanding negara serantau seperti Singapura dan Vietnam.

82. PN-1532-L11947

Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sehingga kini, berapakah jumlah bayaran pampasan atau *ex-gratia* yang telah dibayar kepada penduduk Orang Asli yang menjadi mangsa pencerobohan binatang buas terutamanya gajah, harimau dan beruang yang telah memasuki kawasan perkampungan Orang Asli dan kawasan Orang Asli kerana binatang-binatang ini telah membinasakan tanaman pertanian sehingga ada kes Orang Asli dibunuh oleh binatang-binatang itu bagi mempertahankan kawasan mereka.

83. PN-1532-L11594

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik kepada golongan B40 yang tinggal di kawasan bandar.

84. PN-1532-L11710

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah simpanan dana yang akan dicapai melalui pelan rasionalisasi subsidi diesel dan apakah perancangan Kerajaan serta inisiatif khusus yang akan menggunakan hasil simpanan dana tersebut.

85. PN-1532-L12143

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pasukan negara akan memperoleh kejayaan yang memberangsangkan pada Temasya Sukan Olimpik yang akan datang.

86. PN-1532-L11618

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pembinaan Balai Polis Daerah Belaga baru akan dibina memandangkan Balai Polis Belaga sekarang beroperasi di pejabat sementara yang diperbuat daripada kontena.

87. PN-1532-L12281

Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi tindakan yang akan dilakukan atau dilaksanakan sekiranya berlaku kemerosotan ekonomi dalam tempoh yang terdekat.

88. PN-1532-L11626

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah pihak Kerajaan bagi menangani kekurangan tempat letak kenderaan di hospital utama dan daerah di seluruh negara serta berapakah jumlah hospital yang sedang menghadapi situasi sedemikian.

89. PN-1532-L11946

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) strategi dan langkah Kerajaan untuk pembangunan *talent roadmap* khusus dan komprehensif yang memenuhi kepentingan nasional dan keperluan industri seperti di dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan 5G; dan
- (b) pelan strategik untuk memupuk, menyokong, melatih, menempatkan dan membangunkan bakat dalam bidang-bidang ini agar Malaysia dapat bersaing di peringkat global.

90. PN-1532-L12076

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan justifikasi berkenaan pengusaha ternakan akuakultur di bawah Jabatan Perikanan perlu mendaftar Sistem Pendaftaran GeoAgro terlebih dahulu sebelum membuat permohonan bagi program BUDI MADANI dan adakah Kementerian merancang untuk memudahkan permohonan para pengusaha ini dengan lebih efisien.

91. PN-1532-L12093

Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan program-program pengantarabangsaan di bawah Kementerian dan sejauh manakah program-program pengantarabangsaan ini memberi impak secara langsung kepada kadar kemajuan kawasan luar bandar dengan lebih berkesan.

92. PN-1532-L11642
Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan susulan pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 yang lalu, apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam membantu mereka yang tidak lulus atau gagal dalam peperiksaan tersebut agar golongan ini masih mendapat peluang untuk memajukan diri.
93. PN-1532-L11502
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status dan gambaran keseluruhan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia di dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang relevan kepada keutamaan pembangunan Malaysia.
94. PN-1532-L11721
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah intervensi Kementerian terhadap statistik 10,160 orang pelajar yang tidak memasuki ujian peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) bagi tahun lalu dan apakah langkah dalam menanganinya supaya peratusan pelajar yang tidak mengambil SPM tidak meningkat.
95. PN-1532-L12151
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan reformasi yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta SPRM 2009 untuk mewujudkan badan bebas untuk melantik, perjawatan dan kenaikan pangkat pegawai dan anggota SPRM serta diletakkan di bawah Jawatankuasa Khas di Parlimen.
96. PN-1532-L11793
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah PADU dapat berfungsi secara *real-time* untuk menyegerakan saringan serta penyaluran bantuan berfokus kepada isi rumah di wilayah Sabah yang berdepan dengan pelbagai senario ekonomi luar jangka seperti pengangguran mengejut serta kecacatan kekal yang membataskan kudrat untuk bekerja.

97. PN-1532-L11937

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian akan melonggarkan syarat kelayakan memohon Skim Insentif Program Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit berkaitan surat hak milik tanah supaya pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanah adat yang tiada suratan hak milik layak untuk memohon insentif tersebut.

98. PN-1532-L12017

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk membendung peningkatan penyakit berkaitan dengan jantung dalam kalangan belia berusia di antara 20-an hingga 30-an.

99. PN-1532-L12025

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kebolehcapaian pendidikan digital dalam kalangan pelajar dari kawasan pedalaman di wilayah Sabah dan Sarawak dalam usaha mengurangkan jurang pendidikan digital dengan para pelajar di bandar.

100. PN-1532-L11522

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan LPT3 dan apakah usaha pihak Kerajaan untuk mempercepatkan pembinaan.

101. PN-1532-L11677

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan indikator baharu mengukur kos sara hidup rakyat dan kos pengeluaran industri setelah pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dan kenaikan cukai perkhidmatan yang menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat.

102. PN-1532-L12342

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan menjelaskan sikap agama Islam dalam isu-isu yang menggunakan sentimen agama seperti penswastaaan MAHB yang cuba dikaitkan dengan menyokong Israel.

103. PN-1532-L11685

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana Kementerian meneliti isu pasangan yang tidak mahu mempunyai anak kerana pelbagai faktor dan adakah satu pelan tindakan akan dirangka bagi memastikan kadar kelahiran negara pada masa hadapan tidak terus menurun dan apakah statistik terkini sepanjang tahun ini.

104. PN-1532-L11813

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha yang diambil Kerajaan dalam memastikan kepatuhan anggota Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) supaya tidak memberikan dana atau bantuan kepada Israel termasuklah dalam kerjasama ekonomi yang menyumbang kepada pembiayaan ketenteraannya dan pendudukan haram di Palestin.

105. PN-1532-L12320

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang lebih berkesan untuk membanteras rasuah, khususnya yang membabitkan penjawat awam sebagai tulang belakang negara.

106. PN-1532-L11550

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian melalui penyebaran maklumat dan saluran promosi dalam memperkenalkan Sistem Maklumat Bencana (MyIDEA) kepada orang awam memandangkan sistem tersebut bakal memainkan peranan yang penting dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR).

107. PN-1532-L12199

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pencapaian terkini usaha memartabatkan belia melalui Program Rakan Muda setelah setahun daripada penjenamaan semula program berkenaan pada Jun 2023 yang lepas.

108. PN-1532-L11821

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keperluan perluasan subsidi diesel bersasar kepada industri pelancongan terutamanya di pulau-pulau, berikutan kenaikan mendadak 70 peratus penggunaan diesel untuk jana generator di chalet dan hotel.

109. PN-1532-L12290

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan dan pengoperasian Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS) di Simanggaris dan Bantul, Daerah Kecil Pagalungan, Nabawan memandangkan perkembangan semasa bandar sempadan di negara jiran yang jauh memberangsangkan.

110. PN-1532-L12056

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) sejauh mana isu kehilangan nutrisi tanah (*loss of soil fertility*) menjejaskan produktiviti pertanian di Malaysia; dan
- (b) adakah sebarang kajian telah dilakukan untuk memahami jikalau isu ini perlu diberi perhatian oleh Kementerian.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 17/2024) Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]

2. (D.R. 22/2024) Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]